

24 SEP 2002

Malaysia-Restoran

RAKYAT MALAYSIA BUKA RESTORAN MAKANAN DI CHINA

Oleh: Sha'rin Sahad

SHANGHAI, 24 Sept (Bernama) -- Bersemangatkan slogan Malaysia Boleh, seorang anak Malaysia berjaya membuka sebuah restoran makanan dan kafe di kawasan tumpuan orang ramai di Shanghai.

Heng Yeow Kuang, 48, yang berasal dari Alor Setar, Kedah membuka restoran Luna Cafe Bar Restaurant di kawasan tumpuan orang ramai di Xintiandi, Shanghai dengan memperkenalkan makanan mediteranean dan masakan barat.

Bermodalkan pelaburan sebanyak Renminbi (RMB) 60 juta (1 RMB = RM0.46), beliau membuka restoran dua tingkat di kawasan berkenaan dengan kadar sewa berdasarkan 10 peratus daripada keuntungannya setahun.

"Pada mulanya orang kata saya gila kerana melabur dengan begitu banyak di sini, tapi sejak ia dibuka pada Disember 2000, keuntungan diperolehi sekarang sebanyak RMB1.5 juta sebulan," katanya ketika ditemui di restoran berkenaan, baru-baru ini.

Katanya pelaburan di Xintiandi itu dilakukan kerana ia merupakan kawasan tumpuan ramai seperti Bukit Bintang Walk di Kuala Lumpur serta bangunannya adalah bangunan lama dan bersejarah yang diubahsuai.

Antara bangunan yang bersejarah di situ ialah pejabat perwakilan parti Komunis China yang mengadakan mesyuarat pertamanya di situ pada Mac 1961.

Restoran berkenaan yang dibuka dari pukul 11 pagi hingga 2 pagi itu mempunyai 80 pekerja, termasuk seorang Pengurus Besar dari Perancis dan chef dari Australia.

Heng berkata peluang pelaburan di China amat besar dan rakyat di Shanghai sendiri terdedah dengan jenis masakan barat serta boleh menerima restoran yang dibuka oleh orang asing di situ.

Beliau berkata restorannya menyediakan perkhidmatan yang terbaik memandangkan persaingan yang hebat di kawasan berkenaan selain mengadakan persembahan muzik yang diakui pengunjunya antara yang terbaik di situ.

"Untuk melabur di sini amat besar modalnya, tapi pulangnya agak lumayan. Saya sendiri telah mendapat pulangan modal yang dikeluarkan sejak ia dibuka," katanya.

Beliau berkata 90 peratus pengunjung restoran itu adalah rakyat tempatan manakala selebihnya orang asing termasuk rakyat Malaysia yang tinggal di Shanghai.

"Kita juga telah mewujudkan Kelab Rakyat Malaysia di sini yang dianggotai kira-kira 500 orang dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan," katanya.

Heng berkata beliau tinggal di Shanghai selama sembilan tahun dengan menjalankan perniagaan membaiki alat pendingin hawa dan memutuskan untuk membuka Luna Cafe Bar Restaurant selepas melihat peluang pelaburan yang memberangsangkan apabila mengendalikan restoran.

Mengenai perkataan Luna itu sendiri, beliau berkata ia mudah disebut oleh rakyat China serta merupakan nama bulan yang memberi "tuah" kepada perniagaannya.

Beliau yang tinggal bersendirian di China, pulang ke tanahair setiap tiga bulan sekali untuk melawat keluarga dan anak-anaknya di Alor Setar.

Semasa mengunjungi restoran itu baru-baru ini, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam menjemput Heng membuka cawangan restoran seumpama itu di Melaka untuk memberikan pelbagai pilihan makanan kepada penduduk di negeri itu.

Secara berseloroh, Heng turut menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad ke restorannya sekiranya berkunjung ke Shanghai kerana Dr Mahathir merupakan doktor keluarga mereka sewaktu Perdana Menteri membuka kliniknya di Alor Setar.

"Klinik Dr Mahathir itu sebelah dengan kedai datuk saya di sana," katanya lagi.

-- BERNAMA

SBS ROS